

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN

OLEH
SYAWILA BINTI YAACOB
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

13369

1100045498

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



LI 98 FPE 1 2005



1100045498

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Daerah / Tanah Klang Selangor Darul Ehsan / Syawila Yaacob.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045498

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEN

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT DAERAH/TANAH KLANG, SELANGOR
DARUL EHSAN**

OLEH
SYAWILA BINTI YAACOB
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

APPENDIX E

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **SYAWILA BT. YAACOB (UK 8240)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandangan



Nama : Syawila Binti Yaacob

Tarikh :

Disahkan Oleh:



**Penyelia KUSTEM
b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM**

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dapat saya menyiapkan laporan akhir latihan industri saya yang telah berjalan selama tiga bulan bermula dari 23 Mac 2005 dan tamat pada 10 Jun 2005 yang bertempat di Pejabat Daerah/ Tanah Klang (Unit Pentadbiran/Kewangan).

Latihan industri merupakan program pengajian Fakulti Pengurusan & Ekonomi serta kursus yang wajib diambil oleh pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial dengan kod kursus SOS 4299. Latihan industri bertujuan untuk memberi pengalaman, kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan bidang masing-masing, pengaplikasian teori yang telah dipelajari, menjalin dan mengekalkan hubungan dengan alam professional dalam bidang masing-masing, memahami nilai etika dan menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan.

Saya diletakkan di bawah bimbingan penyelia Kustem iaitu Cik Siti Aisyah bt Sa'at dan penyelia industri iaitu Hj. Ahmad Apandi b Samsudin. Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan di atas bimbingan mereka serta bantuan daripada individu terutama staf Pejabat Daerah/Tanah Klang (Unit Pentadbiran/Kewangan) , rakan-rakan dan tidak lupa kepada ibu bapa saya yang telah banyak membantu dalam memberi semangat, dorongan serta idea sepanjang tempoh menjalani latihan industri di organisasi ini.

Sekian Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
APPENDIX E	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	

BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1	Latar Belakang Bandar Klang	1
1.2	Sejarah Ringkas Pejabat Daerah/Tanah Klang	4
1.2.1	Logo Kerajaan Negeri Selangor	9
1.2.2	Logo Pejabat Daerah/ Tanah Klang	9
1.2.3	Visi	10
1.2.4	Misi	10
1.2.5	Objektif	10
1.2.6	Piagam Pejabat Daerah/Tanah Klang	11
1.2.7	Carta Organisasi	12
1.2.8	Fungsi Pejabat Daerah/Tanah Klang	14
1.3	Maklumat Organisasi Bahagian Pentadbiran/Kewangan Pejabat Daerah/Tanah Klang	18
1.4	Aktiviti Organisasi (Pentadbiran & Kewangan)	20
1.4.1	Piagam Pelanggan Unit Pentadbiran/ Kewangan	22
1.5	Pendekatan untuk Memajukan Organisasi	23
1.6	Kemahiran yang Dipelajari	30

BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH

2.1	Pengenalan	33
2.2	Mengesan Sistem Sedia Ada	33
2.2.1	Sistem Kaunter	34
2.2.2	Sistem Perakam Waktu	34
2.2.3	Sistem SPEKS	35
2.2.4	Sistem SISPENS	40
2.2.5	Sistem Fail	40
2.2.6	Sistem Pengurusan Inventori Selangor	41
2.2.7	Lesen Minuman Keras	41
2.2.8	Sistem Teknologi Maklumat	42
2.3	Mengenalpasti Masalah	43
2.4	Rumusan analisis dan Perbincangan	45
2.5	Cadangan Penyelesaian	47
2.6	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	50
	BAB 3 : PENUTUP	52

LAMPIRAN RUJUKAN

SENARAI JADUAL

Perkara	Muka Surat
Jadual 1 Senarai Nama Pegawai Daerah Klang	5
Jadual 2 Senarai Jawatan Staf Sokongan Unit Pentadbiran / Kewangan	19
Jadual 3 Piagam Pelanggan Unit Pentadbiran / Kewangan	22

SENARAI RAJAH

Perkara	Muka Surat
Rajah 1 Logo Kerajaan Negeri Selangor	9
Rajah 2 Logo Pejabat Daerah/ Tanah Klang	9
Rajah 3 Carta Organisasi	12
Rajah 4 Peta Menunjukkan Mukim/ Kawasan di dalam Daerah Klang	13
Rajah 5 Proses Daftar Kontrak	36
Rajah 6 Proses Nota Minta	37
Rajah 7 Proses Pesanan Tempatan Manual	38
Rajah 8 Proses Daftar Bayaran Tanpa Pesanan Tempatan	39
Rajah 9 Proses Jurnal Baucer	39
Rajah 10 Proses Penyata Pemungut	40

SENARAI SINGKATAN

KUSTEM	-	Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
FPE	-	Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
LI	-	Latihan Industri
SUK	-	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
PPT (T)	-	Penolong Pegawai Tadbir
PTK	-	Pembantu Tadbir Kanan
PT	-	Pembantu Tadbir
PK	-	Pegawai Keselamatan
PTR	-	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)
PAR	-	Pembantu Am Rendah
PP	-	Pembantu Penguatkuasa
PRA	-	Pekerja Rendah Am
SISPEN	-	Sistem Permohonan E-Cuti
SPEKS	-	Sistem Perakaunan Kerajaan

BAB 1

LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Latar Belakang Bandar Klang

Bandar Klang terletak di dalam Daerah Klang. Ia dihubungkan dengan Bandaraya Kuala Lumpur oleh dua batang jalan utama iaitu Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Lembah Klang. Sungai Klang yang mengalir di tengah-tengah bandar Klang secara fizikalnya memisahkan bandar Klang kepada dua bahagian iaitu Klang Utara dan Klang Selatan. Klang Utara merupakan pusat perniagaan dan perkhidmatan utama yang kebanyakannya terdiri daripada bangunan baru. Klang Selatan pula adalah kawasan perniagaan lama sebelum perang dan institusi.

Nama Klang juga berasal daripada bunyi yang dihasilkan daripada loceng yang diikat pada gajah yang merupakan kenderaan utama di zaman dahulukala. Ada juga yang mengatakan nama Klang berasal daripada penduduk Cina yang sering mengutip 'Kerang' di muara sungai. Disebabkan pelat pada sebutan mereka, maka mereka menyebut 'kerang' sebagai 'Klang' dan akhirnya kawasan itu dikenali sebagai 'KLANG'.

Asal-usul nama Klang adalah daripada bahasa Mon-Khymer "Klong". "Klong" boleh dertiakan sebagai gudang dan tempat simpanan barang-barang, terusan atau jalan air. Ini kerana apabila Klang menjadi sebuah pelabuhan terpenting tentu sekali banyak didapati gudang-gudang di sekitarnya untuk kemudahan pedagang-pedagang manakala jalan air pula merupakan anak-anak sungai yang mengalir masuk ke Sungai Klang dan menjadi jalan untuk mengangkut bijih timah dan hasil-hasil daripada kawasan pedalaman.

Setelah Opu Daeng Celak mangkat di Riau (19.5.1745) kesultanan diteruskan pula di Selangor oleh Sultan Salehuddin. Pada masa itu orang-orang Belanda membeli bijih timah dari Klang. Pada 1805 Perak ditawan semula oleh Selangor yang diketuai oleh Raja Jaafar dan saudaranya Raja Idris dan Raja Ahmad. Mereka berjaya menguasai perusahaan bijih timah di Klang dan menghubungkan diantara Klang dan Melaka. Setelah itu Raja Jaafar kembali semula ke Riau untuk menjadi Yamtuan Muda Riau.

Dekad kedua abad ke-19, bijih timah dilombong di Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang. Sungai Klang merupakan kawasan perlombongan utama. kawasan lain seperti Penaga, Petaling, Serdang, Junjong, Pantai Rasa, Kuala Bulu, Gua Batu dan Sungai Lumpur. Pada 1818 hasil lombong dari Sungai Selangor dan Sungai Klang sebanyak 2,000 pikul setahun. 1830-an bijih timah dari Klang, Lukut dan Langat menyumbangkan hasil bijih sebanyak 3,600 pikul setahun.

Pada 1849 setelah Raja Suleiman berkuasa, kuasa pembesar di Sungai Selangor dan Lembah Klang diserahkan kepada Raja Abdullah bin Raja Jaafar. Beliau berjaya mencari dan membuka kawasan perlombongan bijih yang baru. Setelah itu, Raja Abdullah telah membina sebuah gedung yang cukup terkenal hingga ke hari ini iaitu Gedung Raja Abdullah pada tahun 1857.

Klang telah menjadi pusat pentadbiran pada 1880 dan pada 1890 telah dijadikan sebuah daerah setelah pusat pentadbiran berpindah ke Kuala Lumpur. Pada tahun 1889 telah dibina istana baru yang dikenali sebagai Istana Mahkota Puri bagi menggantikan Istana Bandar yang terletak di Jugra sebagai Pusat Pemerintahan Diraja Selangor. Pada ketika itu Sultan Selangor Sultan Alaeddin Suleiman Shah telah bersemayam di Istana Mahkota Puri pada tahun 1903. Setelah baginda mangkat (1938), Tengku Alam Shah jadi Sultan Selangor (1938-1942 dan 1945 - 1960). Semasa pemerintahan baginda, Istana Mahkota Puri dirobohkan dan digantikan dengan Istana Alam Shah (1950). Pada 1960 Sultan Salehuddin telah ditabalkan menjadi Sultan Selangor setelah Sultan Hisamuddin mangkat dan secara tidak langsung Sultan Salehuddin memangku jawatan Yang Dipertuan Agong. Di bawah Sultan Salehuddin Istana Alam Shah telah dijadikan tempat untuk semua acara rasmi kerajaan dan pada ketika itu Istana Kayangan di Shah Alam telah dijadikan istana persemayaman rasmi bagi DYMM Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah.

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Klang adalah sebahagian daripada kawasan jajahan takluknya. Ia diperintah oleh Tun Perak yang kemudiannya dipanggil untuk berkhidmat di Melaka dan telah menjadi seorang Bendahara yang terkenal. Ketrampilan hebat Tun Perak itu juga telah menyebabkan Klang menjadi terkenal dan masyhur. Sungai Klang merupakan nadi kepada pembangunan dan perkembangan Klang dan kawasan sekitarnya pada masa itu. Muara Sungai Klang menjadi pintu masuk utama yang mengawal keluar-masuk hasil mahsul dan barang dagangan kawasan Lembah Klang dengan pedagang asing. Bagaimanapun perkembangan Klang pada masa itu hanya tertumpu pada bahagian selatan Sungai Klang sahaja. Ia dapat ditunjukkan dengan terletaknya jumlah bangunan lama sebelum perang yang banyak di Klang Selatan.

1.2 Sejarah ringkas Pejabat Daerah/Tanah Klang

Pejabat Daerah Klang terletak di Bandar Klang berhadapan dengan Majlis Perbandaran Klang. Pejabat ini merupakan Pusat Pentadbiran bagi Daerah Klang. Terdapat beberapa agensi kerajaan yang beroperasi di bangunan Kompleks ini yang terdiri dari Jabatan Kerja Raya, Pejabat Pertanian Daerah, Pejabat Kebajikan Masyarakat, Pejabat Perhutanan Daerah, Jabatan Belia Daerah, Jabatan Perpaduan, Pejabat RELA Daerah, dan juga Pejabat Anti Dadah Kebangsaan Daerah. Walaubagaimanapun, Jabatan Belia, Jabatan Perpaduan, Pejabat Anti Dadah Daerah telahpun berpindah ke bangunan lain.